

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HKP 213 - Penulisan Kreatif I

Tarikh: 11 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Jawab TIGA(3) soalan sahaja.

1. Secara mudah, plot diertikan sebagai cara watak-watak dalam cereka beraksi dan bertindak balas. Huraikan beberapa cara yang perlu di eksploitkan oleh pengarang novel dalam proses pembinaan dan pengembangan perwatakan yang berkesan.
2. Salah satu aspek penting dalam komposisi sesebuah novel ialah latarnya. Bincangkan persoalan ini untuk memperjelaskan peranan faktor ini dalam penciptaan sebuah novel; khususnya memperlihatkan peranannya dalam kesepaduan antara cerita dan perwatakan.
3. Dalam penciptaan sesebuah novel, ilham sering disebut sebagai sumber utama yang penting. Bincangkan keperihalan ilham ini terutama dari sudut pengalaman, imaginasi, perasaan dan realiti kehidupan.
4. Salah satu cara mengolah plot bagi sesebuah novel ialah dengan berpandukan kepada plot dari cerita-cerita tradisi. Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan plot dari cerita-cerita tradisi ini dan bincangkan kesannya dalam penulisan novel sekarang.
5. Sebahagian besar pengarang novel memulakan penulisan novelnya ialah dengan memberi tajuk kepada novel itu terlebih dahulu. Bertitiktolak dari tajuk itulah dia menentukan temanya, plotnya, perwatakannya. Cuba anda menentukan tema dan gariskasar cerita kepada novel yang terlebih dahulu diberi tajuk MENDUNG DI TENGAHARI mengikut daya kreatif anda.